

PEMBETULAN DAN PENJELASAN

Dalam rencana saya bertajuk “Pembangkok, Majlis Peguam dan Comango ‘Merampas’ MKPN (NUCC)” yang disiarkan oleh Utusan Malaysia pada 2 Julai 2014 atas tajuk “Saya tidak mahu jadi pengkhianat” saya memberi sebab mengapa saya menolak tawaran untuk menjadi Pengerusi Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) atau dalam Bahasa Inggerisnya *National Unity Consultative Council* (NUCC).

Sebenarnya saya tersilap dalam merujuk kepada MKPN dalam ayat itu. Saya sepatutnya merujuk kepada Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA) atau yang mempunyai nama lebih kurang seperti itu. Jawatankuasa itu juga terletak di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)¹, Jabatan Perdana Menteri. Saya memohon maaf di atas kesilapan itu.

Alasan yang saya beri dalam rencana itu mengenai penolakan tawaran itu merujuk kepada jawatankuasa itu dan saya masih berdiri dengannya. Tetapi, segala perbincangan mengenai keahlian MKPN, Jawatankuasa Undang-Undang dan Dasar yang dipengerusikan oleh YB Dato Dr. Mujahid Yusof Rawa dan penglibatan Majlis Peguam dalam menyediakan draf ketiga-tiga rang undang-undang itu, tidak terjejas.

Walau bagaimana pun, saya berterima kasih dengan response yang saya terima, sama ada menyokong atau menentang. Dari situ saya dapat lihat bahawa orang Melayu dan Islam, termasuk dari Sarawak dan juga peguam-peguam, menyokong sebulat suara apa yang saya katakan itu, manakala peguam-peguam bukan Melayu dengan lantang menyuarakan bahawa:

“Majlis Peguam Malaysia adalah kubu terakhir demokrasi kita yang rapuh yang menunjukkan semua tanda-tanda kehancuran (“going to the dogs”). Hampir semua institusi lain telah merosot menjadi tidak penting, menjadikan kita terdedah kepada status sebuah negara yang gagal yang sebelum ini tidak dapat dibayangkan!”

Sistem politik kita telah diputarbelitkan oleh budaya rasuah, sistem undang-undang kita telah dimanipulasikan kepada sikap tunduk kepada sistem politik kita yang gagal, dan sistem pendidikan kita telah diganggu (tinkered) sekian lama sehingga keupayaan untuk melahirkan pelajar yang berkualiti telah dikompromi.”(Terjemahan saya, memetik sebahagian sahaja daripada response seorang peguam berketurunan Cina yang panjang lebar itu.)”

Mentaliti ahli-ahli Majlis Peguam seperti itulah, antara lain, yang saya khawatir akan mempengaruhi mereka dalam menyediakan rang-rang undang-undang itu apabila diberi peluang.

Walau bagaimana pun, saya gembira kerana rencana itu telah menyebabkan semua pihak yang berkaitan tersentak. Menteri di Jabatan Perdana Menteri Nancy Shukri pun telah memberi jaminan bahawa rang-rang undang-undang itu tidak akan

¹ Ditambah pada 11 Julai 2014

diluluskan dengan tergesa-gesa dan ia tidak akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Itulah yang saya tekankan: **jangan hakiskan hak-hak orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak dan kedudukan agama Islam seperti yang di peruntukkan dalam Perlembagaan.** Itu sahaja.

Perkara yang sangat penting dan sensitif seperti ini tidak sepatutnya diserahkan kepada pembangkang dan sekutunya untuk membuatnya. Menteri dan pegawai-pegawainya dibayar gaji untuk melakukan kerja-kerja mereka. Mereka memegang amanah pengundi-pengundi yang membolehkan Kerajaan ditubuh. Mereka sepatutnya menetapkan dasar seperti yang dijanjikan oleh parti yang memerintah. Dalam berbuat demikian, mereka boleh berunding dengan sesiapa sahaja. Selepas itu mereka sepatutnya menyerahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk menyediakan draf rang-rang undang-undang itu supaya matlamatnya tidak tersasar.

Memang betul, selain daripada bertanya mengenai bidang tugas dan aktiviti jawatankuasa itu di masa lalu, saya juga bertanya mengenai elaun sebagai Pengerusi jawatankuasa itu. Itu kerana, berdasarkan pengalaman, saya ingin tahu sama ada jika saya menerima tawaran itu, saya diharapkan untuk menjalankan tugas itu dengan percuma. Tugas itu adalah tugas Menteri dan pegawai-pegawainya. Adalah tidak adil jika mereka meminta saya dan ahli-ahli jawatankuasa itu **membuat kerja mereka** dengan percuma sedangkan mereka menerima gaji.

Walau bagaimana pun itu bukanlah sebab saya menolak tawaran itu. Saya telah menolak tawaran itu SEBELUM saya menerima apa-apa jawapan bukan sahaja mengenai elaun, tetapi juga mengenai perkara-perkara lain yang saya ingin tahu mengenai jawatankuasa itu. Sehingga ke hari ini pun saya tidak menerima apa-apa jawapan kepada surat saya itu, kerana ia sudah tidak berkenaan (relevant) lagi.

Saya dikatakan meminta sebuah kereta. Itu satu putarbelit fakta. Sebenarnya, apabila Setiausaha Sulit kepada YB Tan Sri Joseph Kurup (atau pegawai di jabatannya) menalipon saya memberitahu bahawa YB Tan Sri Joseph Kurup ingin berjumpa dengan saya, antara lain, saya berkata, "Saya tidak ada pemandu dan disebabkan oleh keadaan fizikal saya, saya tidak boleh memandu lagi. Bolehkah hantar kereta untuk ambil saya dari rumah saya dan menghantar saya balik?" "Tiada masalah," jawab beliau. Pada hari perjumpaan itu diadakan, pegawai JPNIN datang mengambil saya dengan sebuah kereta dan menghantar saya balik selepas pertemuan itu. Terus terang saya katakan, jika saya menerima tawaran itu pun, dalam keadaan fizikal saya sekarang, saya akan meminta supaya saya diambil dari rumah saya, dibawa ke tempat mesyuarat dan menghantar saya balik selepas itu. Itu syarat saya. Itulah yang dilakukan oleh semua kementerian, jabatan (termasuk Jabatan Perdana Menteri untuk membri taklimat kepada Kabinet), agensi kerajaan, universiti, institusi, malah NGO yang meminta perkhidmatan, penyertaan atau kehadiran saya semenjak bulan Oktober 2011.²

Apa yang saya tekankan ialah: **Pertahankan Perlembagaan kita.** Baiki apa yang tidak betul dalam lingkungannya. Kuman di kaki jangan letak di kepala.

Sekin. Terima kasih.

² Perenggan ini ditambah pada 11 Julai 2014.

Tun Abdul Hamid Mohamad
tunabdulhamid@gmail.com
www.tunabdulhamid.my

8 Julai 2014